

PAKAR GEOLOGI UMS TERUSKAN PENYELIDIKAN POTENSI GEMPA BUMI

NST 28.9.2017 4
OLEH MARRYAN RAZAN

KOTA KINABALU: Pakar Geologi Universiti Malaysia Sabah (UMS), Prof Dr. Felix Tongkul akan meneruskan penyelidikan mengenai potensi berlaku gempa bumi di negeri ini khususnya di lima daerah iaitu Lahad Datu, Tawau, Kunak, Ranau dan Kundasang.

Penerima Anugerah Penyelidik Cemerlang kategori Malim itu berkata, penyelidikan yang telapan dimulakan lebih 10 tahun lepas itu akan diteruskan kerana kajian mengenai gempa bumi adalah berterusan.

“Penyelidikan mengenai gempa bumi adalah secara berterusan dan perlu pemantauan serta kajian lebih mendalam.

“Oleh itu geran penyelidikan sebanyak RM50,000 akan digunakan untuk meneruskan penyelidikan yang sedang saya buat ... dan bidang penyelidikan ini memang memerlukan banyak peruntukan termasuk untuk membayar pembantu penyelidik,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita selepas penyampaian Anugerah Penyelidik UMS, di Dewan Bangkuasi, UMS, di sini, kelmarin.

Dr. Felix dan Prof Dr. Awang Bono menerima Anugerah Penyelidik Cemerlang kategori Malim pada majlis itu. Mereka masing-masing menerima Geran Penyelidikan RM50,000.

Dr. Felix berkata, penyelidikan itu dilaksanakan bagi mengetahui di mana kawasan di negeri ini yang berpotensi atau berisiko tinggi dilanda gempa bumi.

“Kita akan lakukan penyelidikan di lima kawasan berpotensi iaitu Lahad Datu, Tawau, Kunak, Ranau dan Kundasang. Tetapi ini tidak bermakna kawasan lain tidak berpotensi berlaku gempa bumi.

“Sebenarnya hampir seluruh Sabah ada potensi tetapi tahap risikonya berbeza mengikut kawasan berdasarkan keaktifan aktiviti seismik atau pergerakan dalam bumi di setiap kawasan.

“Sehubungan itu, kita sedang membuat penyelidikan yang lebih mendalam untuk menge-



ANUGERAH ... Dr. Felix menerima Anugerah Penyelidik Cemerlang kategori Malim daripada D Kamarudin.

tahui dan mengenalpasti apa yang menyebabkan gempa bumi,” katanya.

Selain itu katanya penyelidikan itu juga penting agar pihak berkenaan boleh membuat persediaan lebih awal dari segi mengurus bahaya atau bencana gempa bumi.

Dr. Felix berkata, penyelidikan itu dilaksanakan dengan kerjasama beberapa universiti luar negara termasuk Universiti Cambridge yang pakar dalam bidang itu.

“Selain itu kita juga bekerjasama dengan Jabatan Metrologi Malaysia kerana ia adalah pusat untuk mengeluarkan maklumat gempa bumi di seluruh Malaysia,” katanya.

Beliau turut mengingatkan orang ramai supaya tidak risau dengan kejadian gegaran atau gempa bumi. “Apa yang penting, masyarakat harus bersiap sedia terutamanya di kawasan berisiko tinggi”.

“Masyarakat harus meningkatkan pengetahuan mengenai gempa bumi. Sebab kalau kita tahu mengenainya, kita tidak akan takut atau risau. Masalah masyarakat kita sekarang ialah penge-

tahuan mengenai gempa bumi sangat sedikit.

“Jadi kesedaran awam, pendidikan awal dari sekolah rendah sehingga dewasa mesti ada agar mereka lebih mengetahui,” katanya.

Mengenai anugerah itu, Dr. Felix berkata, Anugerah Malim adalah pengiktirafan tertinggi kepada para penyelidik UMS.

Pada majlis itu beberapa anugerah lain turut diberikan iaitu Anugerah Penyelidik Cemerlang Kategori Sains Sosial diberikan kepada Dr. Muhammad Idris Bullare dan Prof. Madya Dr. Kenneth Francis Rodrigues (kategori Sains). Dengan kemenangan itu mereka masing-masing menerima sijil dan geran penyelidikan RM30,000.

Manakala penerima Anugerah Penyelidik Cemerlang Muda dalam kategori Sains Sosial pula ialah Eko Prayitno Joko dan kategori Sains oleh Dr. Ching Fui Fui @ Faihana Ching Abdullah. Mereka masing-masing menerima sijil dan Geran Penyelidikan RM20,000

Kesemua anugerah disampaikan oleh Naib Canselor UMS Prof. Dr D. Kamarudin D Mudin.